

# Laksana 8 reformasi elak sasaran agenda Ekonomi MADANI terjejas

- Tanpa reformasi ekonomi, sasaran untuk keluaran ekonomi negara daripada kitaran berbahaya 'kos tinggi, gaji rendah, keuntungan rendah dan kurang daya saing' akan terjejas
- Malaysia berkemampuan untuk bertumbuh melebihi 5 peratus jika strategi ekonomi berbentuk reformis, pelaksanaan secara efektif dengan kadar segera



Profesor Madya Pusat  
Pengajian Ekonomi,  
Kewangan dan  
Perbankan, Universiti  
Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah  
Zainal Abidin  
• bhrencana@bh.com.my

**Kadar** pertumbuhan ekonomi negara pada tahun lalu dijangka berada pada tahap lemah apabila data Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dikeluarkan pertengahan bulan ini. Jika jangkaan ini benar, bermakna ia tidak mencapai sasaran disasarkan di bawah Belanjawan 2024.

Malah, ia juga jauh tersasar daripada sasaran ditetapkan di bawah Belanjawan MADANI pertama, iaitu Belanjawan 2023. Tahun ini pula, pertumbuhan ekonomi negara dijangka bertumbuh di bawah 4 peratus.

Apakah makna kenyataan itu kepada rakyat keseluruhan? Pertama, apabila pertumbuhan ekonomi, yang diukur melalui data KDNK bertumbuh secara sederhana di bawah sasaran ditetapkan, beberapa fenomena penting akan berlaku dalam ekonomi.

Antaranya, deflasi, peningkatan dalam guna tenaga tidak penuh, pengurangan hasil kerajaan, penyusutan kuasa beli rakyat, prospek perniagaan dan pelaburan suram, peluang pekerjaan golongan muda serta pekerjaan berpendapatan tinggi terhad, kos sara hidup semakin mencanak naik, peningkatan dalam kemiskinan pelbagai dimensi dan sistem perlindungan sosial semakin rapuh.

Apakah pula maknanya kepada ekonomi negara? Jika sasaran KDNK tahunan secara berterusan tidak dicapai, ia akan memberikan kesan negatif kepada trajektori pelan pembangunan ekonomi yang sudah dirancang dengan baik sebelum ini, seperti Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMK12), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030.

Malah, ia juga boleh menjejaskan sasaran pertumbuhan ekonomi disasarkan dalam kerangka Ekonomi MADANI itu sendiri, iaitu sebanyak 6 peratus setahun secara purata. Semua ini akhirnya akan menjejaskan visi dan aspirasi keseluruhan naratif Ekonomi MADANI itu, baik jangka pendek mahupun panjang.

Usaha mengeluarkan ekonomi Malaysia daripada kitaran ekonomi berbahaya, iaitu 'kos tinggi, gaji rendah, keuntungan rendah dan kurang daya saing' seperti ditetapkan dalam wawasan Ekonomi MADANI akan terjejas.

Begitu juga usaha menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia, memandangkan ekonomi negara jiran sudah gagah menuju ke hadapan. Filipina misalnya, menyasarkan pertumbuhan ekonomi sekitar 6 hingga 7 peratus pada tahun ini.

Sasaran KDNK tidak dapat dicapai secara berte-

rusan dari tahun ke tahun juga akan mengakibatkan kesukaran untuk mencapai tujuh penanda aras ditetapkan di bawah kerangka Ekonomi MADANI.

### Kesenjangan pendapatan

Natijahnya, ia akan terkesan juga kepada rakyat secara keseluruhan dengan keadaan kesenjangan pendapatan dan harta semakin melebar, masalah keterjaminan makanan tidak dapat diselesaikan, kualiti pendidikan semakin merudum, isu kesihatan mental serta kos sara sara hidup semakin meningkat.

Ini ditambah lagi dengan masalah eksistensial seperti krisis dan perubahan iklim serta impak daripada ledakan teknologi, seperti kecerdasan buatan (AI) generatif yang dijangka menghapuskan banyak jenis pekerjaan yang ada kini dalam masa beberapa tahun sahaja.

Nilai ringgit pula semakin melemah dan hutang negara semakin meningkat, manakala pasaran sa-

“ Sasaran KDNK tidak dapat dicapai secara berterusan dari tahun ke tahun juga akan mengakibatkan kesukaran untuk mencapai tujuh penanda aras ditetapkan di bawah kerangka Ekonomi MADANI ”

ham serta modal menjadi semakin tidak menentu. Pelabur luar pula semakin hilang keyakinan kepada prospek ekonomi kita berbanding ekonomi lain di rantau ini, sedangkan kita masih lagi terkapai-kepai untuk memulih daripada impak pandemik COVID-19.

Ini ditambah dengan persediaan kita berdepan risiko geopolitik dan ekonomi global pada tahun ini, dengan prospek kegawatan sederhana di beberapa negara maju, masalah struktur ekonomi China, perang dagang Amerika Syarikat (AS)-China serta apeperangan di Gaza dan Ukraine yang masih lagi berterusan.

Jadi, sangat penting pada tahun ini, kerajaan melakukan reformasi ekonomi berbentuk jangka pendek, sederhana dan panjang secara serentak untuk memastikan ekonomi kita dapat bertumbuh bukan sahaja pada kadar disasarkan, bahkan mengatasinya kerana saya percaya ekonomi kita berkemampuan untuk bertumbuh melebihi 5 peratus jika

strategi ekonomi berbentuk reformis dapat diperkenalkan dan dilaksanakan dengan efektif dan holistik dengan kadar segera.

Pertama, pendapatan dan gaji rakyat perlu ditingkatkan. Kerajaan boleh bermula dengan menyegerakan kenaikan gaji penjawat awam.

Kedua, kerajaan boleh tingkatkan nilai ambang gaji minimum yang sedia ada.

Dasar Gaji Progresif mungkin satu reformasi jangka sederhana, tetapi untuk sekarang, kerajaan boleh menaikkan gaji minimum pada kadar RM2,000. Kerajaan juga boleh meneruskan dasar subsidi upah untuk mengurangkan kesan negatif kepada beberapa sektor akibat kenaikan nilai gaji minimum ini, terutama sektor perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS).

Namun, strategi keluar perlulah jelas kerana subsidi upah diberikan ini hanyalah berbentuk sementara ataupun peralihan.

Ketiga, kerajaan boleh memperkenalkan satu bentuk skim pendapatan asas universal lebih menyeluruh.

Keempat, kerajaan perlu tegas melawan kartel untuk membanteras kenaikan dalam harga barangan asas.

Kelima, usaha agresif perlu dilakukan sekarang untuk memperkasakan sektor pertanian bagi meningkatkan bekalan makanan nasional seperti penghapusan aktiviti monopoli dan pelaburan dalam sektor pertanian, terutama aplikasi teknologi serta pelaburan langsung asing (FDI) dalam sektor pertanian.

Keenam, sistem perlindungan sosial negara perlu dirombak. Sudah tiba masanya kerajaan beralih daripada memberikan bantuan kepada memberikan perlindungan secara holistik daripada masa dalam kandungan ibu hingga akhir hayat mereka.

Dalam hal ini, kerajaan boleh memulakan dengan memperkenalkan skim perlindungan sosial universal untuk memastikan tidak ada seorangpun rakyat akan menjadi miskin pada hari tua.

Ketujuh, kerajaan perlu meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan memperkenalkan satu bentuk skim jaminan pekerjaan ke arah sektor strategik seperti pertanian, teknologi, alam sekitar dan ekonomi penjaminan.

Kelapan, kerajaan perlu tingkatkan hasil negara dengan memperkenalkan sistem cukai kepenggunaan lebih cekap, seperti cukai barangan dan perkhidmatan (GST) untuk meningkatkan hasil negara dalam masa terdekat.

Bagi menjayakan agenda reformasi ekonomi pada 2024, apa diperlukan bukan sahaja pelaksanaan baik, tetapi apa yang lebih penting adalah keseluruhan Kabinet Kerajaan Perpaduan perlu mempunyai kepercayaan penuh terhadap agenda ini.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH